
Angkatan Sasterawan 50

KEGIATAN AKAN DATANG 2009

17 Okt '09 **Projek Penyair Marhaen (Heatland Poet) di Sekolah Menengah St Margaret.** Ia melibatkan bengkel penulisan, pendeklamasian dan penghasilan sajak dalam pelbagai genre.

24 Okt '09 **Projek Penyair Marhaen (Heatland Poet) di Sekolah Menengah Springfield.** Ia melibatkan bengkel penulisan, pendeklamasian dan penghasilan sajak dalam pelbagai genre.

25 Okt '09 **Festiva 'Meraikan Penulis Singapura' (Terbuka kepada Semua)**
The Chamber - Arts House 4-6 ptg

Bersempena Singapore Writers Festival 2009, Asas 50 dan National Arts Council Singapore akan mengadakan satu persembahan meraikan karya-karya terbaik penulis mapan dan baru Singapura dalam satu persembahan pelbagai media bagi genre cerpen, novel dan sajak. Festiva ini sesuai untuk semua peringkat usia dan latarbelakang. Ia juga terbuka kepada para pelajar.

1 Nov '09 **Majlis Buku & Sayembara (Terbuka kepada Semua)**
The Play Den - Arts House 3-5 ptg

Bersempena Singapore Writers Festival 2009, Asas 50, Andalus dan National Arts Council Singapore akan mengadakan satu majlis penyampaian hadiah bagi para pemenang Sayembara Noktah Putih 2008 dan Sayembara Fototera 2009.

Majlis ini juga menyaksikan pelancaran 7 buah buku: 3 buku cereka kanak-kanak, sebuah buku Sayembara Noktah Putih 2008, 2 buah buku pelajar dan sebuah buku bimbingan penulisan kreatif.

Majlis juga akan menyaksikan pelancaran Sayembara Novel Temasik 2009.


BUKU-BUKU BAKAL DILANCARKAN (1 Nov 2009)



Cerpen-cerpen yang termuat dalam *TEMAN SIBER* ini merupakan antologi daripada SAYEMBARA yang diadakan selepas bengkel yang dijalankan di kalangan pelajar peringkat menengah dan pasca menengah. Ia memperlihatkan masyarakat yang terbentuk, khususnya masyarakat Melayu; masyarakat yang dinamik, berani, progresif, positif, berdaya saing, berjaya dan pragmatik, tanpa mengabaikan unsur kebertanggungjawaban, keMelayuan, keIslaman dan keSingapuraan serta sikap sopan santun, belas, ikhlas, pemaaf, merelakan diri, berbudaya dan kukuh jati diri.



Aktiviti SAYEMBARA *GRAFTERA* merupakan satu aktiviti yang berdasarkan sebuah sayembara penulisan kreatif puisi (sajak) yang menggunakan bahan visual dan bergambar sebagai pencetus atau pemangkin kepada luahan idea atau pengaliran inspirasi. Luahan idea atau pengaliran inspirasi ini akan menghasilkan sekuntum sajak. Sayembara ini menggunakan elemen visual dan bergambar untuk menghasilkan sekuntum sajak. Buku ini mengandungi 67 kuntum sajak daripada penyair muda Singapura yang penuh potensi daripada peringkat sekolah menengah dan pasca menengah. Ia dihasilkan dengan bermotifkan ilustrasi yang disediakan dalam 4 bahagian iaitu Kota dan Ikon Singapura, Alam, Malam, dan Bintang Alam Bintang Neon.



Buku panduan ini direka khas untuk bakal penulis dengan memahami dan menghayati aspek-aspek yang perlu ada dalam sesebuah cerpen dan persediaan-persediaan yang perlu dirancang sebelum menulis sebuah cerpen. Ia amat sesuai bagi bakal penulis untuk mengenali dan memahami aspek dalam pengaliran hasil karya kreatif seperti cerpen dan novel. Buku ini juga disusun dengan bahagian pertama didedahkan tentang pengertian umum cerpen dan aspek-aspek yang membentuk sebuah cerpen. Dengan itu bakal penulis akan mendapat pengetahuan asas yang kukuh sebelum menulis sebuah cerpen.

KEGIATAN LALU '09


- 12 Sep '09** Projek Penyair Marhaen (Heatland Poet) di Sekolah Menengah Woodgrove melibatkan 150 pelajar. Ia melibatkan bengkel penulisan, pendeklamasian dan penghasilan sajak dalam pelbagai genre.
- 26 Jul '09** Majlis Pelancaran Buku 'Bahasa Sumber Intelektual Peribumi', 'Dari Curfew ke Matahari Malam', dan 'Sumbangan Tizkari Masuri SN' di Taman Warisan Melayu
- 26 Jul '09** Forum Bahasa Melayu di Taman Warisan Melayu
- 20 & 23 Jul '09** Bengkel Penulisan Peringkat Sekolah Menengah di Taman Warisan Melayu
- 15 & 17 Jul '09** Peraduan Eja Tepat Peringkat Sekolah Rendah Taman Warisan Melayu
- 12 Jul '09** Majlis Pelancaran Buku 'Evolusi 2000 Tahun Bahasa Melayu: Dari zaman Purba ke Budaya Elektronik' dan 'Legasi Bahasa Melayu' di Taman Warisan Melayu
- 12 – 26 Jul '09** Pameran 2000 Tahun Evolusi Bahasa Melayu & Pameran Revolusi Asas 50 di Taman Warisan Melayu
- 16,18,23,25 Jun '09** Kursus Penulisan Kreatif dan Kritikal bagi Program Diploma Perguruan Pendidikan Islam di Andalus
- 23-23 Jun '09** Projek Penyair Marhaen (Heatland Poet) di Sekolah Menengah Regent melibatkan 100 pelajar. Ia melibatkan bengkel penulisan, pendeklamasian dan penghasilan sajak dalam pelbagai genre.
- 28 Feb '09** Majlis Pelancaran buku Dairi Hitam dan Penutup Projek Biblioterapi




BUKU-BUKU TELAH DILANCARKAN (2009)




Buku ini merupakan kumpulan kertas kajian mengenai bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu iaitu: bahasa, budaya, sosiologi, antropologi, kesenian, muzik, arkitektur, sastera, dan agama yang membuktikan bahawa bahasa dalam kepelbagaianya menjana intelektual peribumi Melayu. Ia juga meninjau kekayaan khazanah bangsa Melayu dalam persuratan selama 2000 tahun kewujudannya. (Julai 2009)



Buku ini merupakan kumpulan esei dan kritikan sejak 1999 hingga 2009 yang lengkap dalam membincangkan perihal pragmatik bahasa Melayu yang menjangkau pelbagai bidang ilmu khususnya sosiologi, antropologi dan linguistik. Ia disajikan dalam bentuk yang sesuai untuk semua pembaca dan merupakan bahan rujukan komprehensif bagi mereka yang ingin memahami pragmatik bahasa Melayu masa kini. (Julai 2009)



Karya-karya yang dimuatkan dalam antologi *DIARI HITAM* ini merupakan manifestasi yang begitu jitu akan pengalaman gelap dan peristiwa pahit yang pernah, sedang dan sangat diinsafi para peserta remajanya. Tanpa menuding jari dan menyalahkan mangsa-mangsanya, intipati sketsa-sketsa yang dibentangkan ini merupakan keluhan hati dan jiwa penulis mengenai pengalamannya; suatu pengalaman yang tidak mungkin dapat diceritakan dengan begitu persis oleh penulis-penulis lain. Ia merupakan buku yang memupuk kesedaran dan bersifat *intervention*. (Feb 2009)



Buku ini merupakan buku panduan pameran Evolusi 2000 Tahun yang padat dengan maklumat mengenai evolusi Bahasa berserta ilustrasi mengikut zaman. Ia merupakan buku dalam Bahasa Inggeris agar dapat dimanfaatkan oleh semua bangsa. Versi Melayunya ada dalam sebuah buku yang diterbitkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. (Julai 2009)

Maklumat Lanjut:

Angkatan Sasterawan 50

Blk 651 Yishun Ave 4

#02-503 Singapura 760651

Tel: 96219476 / 6759974

Fax: 67597472

Emel: asas50@singapore.com

www.asas50.com

